BAB 10
**PEMASYHURAN MERDEKA**

**BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF**

1. Apakah takrifan pengertian kemerdekaan menurut tokoh gerakan Pan – Islamisme Sayyid Jamal al Din al Afghani
   A. Kebebasan adalah hak mutlas seseorang yang bertamadun dan berwawasan
   B. Kemerdekaan merangkum kebebasan berfikirdan bertindak terhadap penindasan rejim
   C. Rakyat mesti bersatu padu bagi mempertahankan maruah diri bangsa, agama dan negara
   D. Kebebasan boleh dicapai melalui politik bebas dari penghambaan, kemiskinan dan penderitaan

2. "Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, wlaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni"
   Petikan ucapan di atas adalah ucapan tokoh tentang makna kemerdekaan. Tokoh yang di maksudkan ialah
   A. Nelson Mandela
   B. Manhatma Gandhi
   C. Soekarno
   D. Tun Fuad Stephen



Rajah 1

3. Gambar 1 di atas menunjukkan gambar bendera negara kita.
   Siapakah yang mereka cipta bendera tersebut?
   A. Tunku Abdul Rahman
   B. Yaacub Abdul Latif
   C. Saiful Bahari
   D. Mohamed Hamzah

4. Jawatankuasa Persediaan Fizikal dibentuk bagi memastikan segala perancangan yang di atur dapat dijalankan dengan sebaiknya menjelang detik pemasyhuran kemerdekaan negara.
   Apakah nilai yang diamalkan oleh anggota jawatankuasa tersebut?
   A. Toleransi
   B. Rasional
   C. Kasih sayang
   D. Kesederhanaan

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

5. Penubuhan badan di atas adalah dilakukan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya
   Apakah matlamat penubuhan badan di atas.
   A. Memajukan kawasan tanah baru
   B. Menggalakan kegiatan perdagangan
   C. Memantau kesihatan penduduk
   D. Memberi kemudahan kewangan

6. Selepas mencapai kemerdekaan, kerajaan telah memberi banyak tumpuan dalam pembangunan sosial seperti pendidikan, kesihatan, kemudahan sosial dan lain lain lagi.
   Mengapa perkara tersebut perlu dilakukan segera
   I. Untuk meningkatkan sosioekonomi negara
   II. Untuk mewujudkan perpaduan dikalangan rakyat
   III. Untuk memastikan rakyat dapat berkerja
   IV. Untuk menghalang menularnya pengaruh komunis
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

7. Pada awal pagi 31 Ogos 1957, kira kira 20 ribu orang membanjiri stadium merdeka walaupun hari hujan.
   Mengapakah rakyat sanggup melakukan perkara tersebut?
   A. Ingin bertemu dengan Ratu Elizabeth II
   B. Mendapat arahan dari pihak kerajaan
   C. Menunjukkan semangat cinta akan negara
   D. Mengurangkan risiko di serang pengganas

- Tan Sri Mohd Ghazali Shafie
- Dr. Ismail Abd Rahman

Tokoh di atas telah memainkan peranan yang besar di awal kemerdekaan negara kita.

8. Apakah jawatan yang pernah di pegang oleh kedua dua tokoh di atas
   A. Setiausaha Agung UMNO
   B. Menteri di jabatan perdana menteri
   C. Menteri Luar
   D. Suruhanjaya Reid

- Bank Negara

9. Senarai di atas merupakan institusi perbankan yang terawal di tubuhkan selepas kemerdekaan.
   Apakah tujuan institusi tersebut diwujudkan
   A. Menggalakan kemasukan pelabor asing
   B. Mewujudkan peluang pekerjaan
   C. Menggalakan pertumbuhan ekonomi
   D. Mengurangkan masalah setinggan

10. Kerajaan merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan mentadbir negara.
    Antara badan yang terkandung dalam komponen ini ialah
    I. Badan Kehakiman
    II. Badan Perundangan
    III. Badan Pelaksanaan
    IV. Badan Pemilihan
    A. I dan II
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. III dan IV

LIVEWORKSHEETS